

Bimbang kemungkinan berlaku banjir


Penduduk kesal tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang didakwa buang tanah lumpur dalam parit

SUNGAI BESAR - Penduduk di Desa Ehsan Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Batu 23 Sungai Nibong kesal dengan tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang didakwa membuang tanah lumpur ke dalam parit di kampung berkenaan.

Seorang penduduk, Azman Zainal Abdin, 50, berkata, tindakan yang dilakukan sejak kira-kira tiga hari lalu itu mengakibatkan pengaliran air parit ke sungai berhampiran tersekat.

Lebih membimbangkan, katanya, terdapat kemungkinan berlakunya banjir di penempatan itu sekiranya berlaku fenomena air pasang besar jika keadaan itu dibiarkan tanpa pengawasan pihak berkuasa.

"Kita tak tahu apa kesan



MOKHTAR

di sebalik pembuangan tanah lumpur ke dalam parit untuk jangka masa panjang, lebih-lebih lagi kejadian fenomena air pasang sering melanda kampung ini," katanya.

Azman berkata, tanah lumpur itu dipercayai daripada kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan parit tepi



Budiman bersama penduduk kampung meninjau aduan berhubung pembuangan tanah lumpur di dalam parit kampung berkenaan.

jalan yang kemudiannya dibawa menggunakan lori untuk dibuang ke dalam parit kampung terbabit.

"Kita minta supaya pihak berwajib jalankan siasatan berhubung perkara ini.

"Kita juga harap pihak terbabit tampil beri penjelasan sebenar kepada penduduk dan adakah tindakan mereka ini dapat kebenaran daripada pihak berwajib," katanya.

Mokhtar Yahya, 45, ber-

kata, penduduk yang menetap di kawasan berhampiran juga terpaksa hidu bau meloyakan setiap hari akibat pembuangan tanah lumpur ke dalam parit terbabit.

"Mereka dikesan mem-

buang dan melonggokkan tanah lumpur di dua kawasan di parit ini," katanya.

Menurutnya, parit itu sebelum ini dijadikan kolam ternakan ikan, namun terbiar sejak beberapa tahun lalu dan masih berfungsi mengalirkan air parit terus ke sungai seperti biasa.

"Kalau perkara ini berterusan kita turut kluatir keselamatan kanak-kanak yang bermain di kawasan berhampiran jatuh hingga terjerlus masuk ke dalam tanah lumpur," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabak Bernam menyiasat dakwaan dan memberi penjelasan tentang penutupan parit terbabit.